

Headline	Perlu kurangkan kos operasi		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	8
ArticleSize	83 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 2,232		



Perlu kurangkan kos operasi

SHAH ALAM – Kenaikan tarif elektrik tidak perlu sekiranya Tenaga Nasional Berhad (TNB) mampu menyelenggara kos operasinya dengan baik.

Pensyarah Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof Madya Dr Abu Suffian berkata, kenaikan kadar tarif membebankan rakyat.

“Pada dasarnya, TNB memang mencatatkan keuntungan yang bertambah setiap tahun. Namun, sumber

kewangan yang mereka ada untuk kos operasi adalah sesuatu yang lain.

“Kerajaan perlu lihat secara makro jalan penyelesaian untuk tidak menaikkan tarif elektrik. Ini sudah tentu dengan mengurangkan kos operasi agar tidak perlu menaikkan tarif elektrik,” katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Katanya, antara yang perlu dikaji semula ialah dasar pembelian elektrik daripada Penjana Tenaga Bebas (IPP).

“Proses itu dilihat tidak begitu adil

kerana TNB perlu membeli elektrik dengan harga tinggi. Malah, TNB juga akan rasa kesannya dalam jangka panjang.

“Selain itu, bagi mengelakkan rakyat terjejas, TNB perlu memperkenalkan satu tarif lain untuk rakyat yang berbeza dengan keperluan domestik,” katanya.

Menurutnya lagi, elektrik merupakan perkara asas dalam kehidupan dan kerajaan sewajarnya menjadikannya sebagai barang terkawal seperti keperluan lain.